

31 JUL 2001

Parlimen-Perlembagaan (Bahas)

WANITA HARUS BUKTI KEMAMPUAN BILA DIBERI PELUANG

KUALA LUMPUR, 31 Julai (Bernama) -- Pindaan Perlembagaan yang tidak akan mendiskriminasikan wanita merupakan pengiktirafan kerajaan dan wanita harus bangkit sebagai satu "angkatan" bagi membuktikan mereka mampu melaksanakan tugas sebaiknya jika diberi peluang, Dewan Rakyat diberitahu hari ini.

Datuk Ahmad Zahid Hamidi (BN-Bagan Datok) berkata pindaan itu adalah sejajar dengan pencapaian wanita hari ini yang dilihat mempunyai prestasi tinggi berbanding lelaki di universiti tempatan.

"Saya sebagai lelaki dan ramai ahli dewan lelaki merasa tercabar kerana prestasi pelajar wanita yang ramai lebih baik daripada lelaki. Diharap lelaki jangan kecil hati dengan keadaan ini, sebaliknya harus rasa malu dengan pencapaian cemerlang di kalangan wanita," katanya ketika membahaskan Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 2001.

Terdahulu Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Rais Yatim ketika membentangkan Rang Undang-undang itu berkata ia antara lain bertujuan memasukkan perkataan jantina dalam Perkara 8 perlembagaan itu.

Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan sedia ada menyebut tidak boleh ada diskriminasi terhadap warganegara atas alasan agama, ras, keturunan dan tempat lahir melainkan jika dibenarkan oleh Perlembagaan itu.

Ahmad Zahid turut menyentuh hasrat kerajaan untuk melaksanakan dasar meritokrasi bagi kemasukan pelajar Bumiputera ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang harus dilihat secara positif untuk membantu pelajar Bumiputera supaya tidak tercicir.

Beliau berkata hasrat baik kerajaan itu tidak harus diputar-belitkan oleh pembangkang yang memberi versi yang pelbagai mengenai cadangan itu.

"Apa yang kita bimbang ialah pelbagai versi yang dibawa oleh pembangkang dalam ceramah-ceramah umum mereka dan menakut-nakutkan rakyat bahawa kerajaan menutup peluang pelajar Melayu menerusi kuota," katanya.

Ahmad Zahid berkata pelajar Bumiputera perlu diberi peringatan supaya tidak leka dan menyelewengkan peluang pendidikan yang disediakan kerajaan, sebaliknya harus berusaha seperti rakan mereka daripada kaum lain untuk mencapai kejayaan cemerlang dalam pelajaran.

Katanya, kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada Jumaat lepas yang menyarankan dasar meritokrasi itu diadakan, hanyalah pandangan awal dan bukan bermakna kerajaan sudah memutuskan untuk melaksanakannya sekarang.

Ahmad Zahid turut menyarankan supaya anggota Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) turut dipilih daripada kalangan ahli politik veteran, bekas hakim-hakim yang mempunyai kewibawaan tinggi, bekas pegawai kanan polis atau tentera serta mereka yang berada di dalam profesion guaman.

Fasal (1) Perkara 114 Perlembagaan Persekutuan yang turut dipinda adalah bagi menambah bilangan anggota SPR daripada tiga kepada lima orang anggota biasa, selain pengerusi dan timbalan pengerusi yang sedia ada.

Ahmad Zahid berkata SPR harus memastikan pembantu pilihan raya untuk menjaga peti undi benar-benar bebas supaya mereka dapat menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab tanpa sebarang motif politik.

"(Pernah berlaku) dulu ramai nama pemilih yang tercicir kerana senarai pendaftar pemilih di dalam tempat peti undi dengan senarai yang terdapat di luar peti undi berbeza," katanya.

Datuk Napsiah Omar (BN-Kuala Pilah) yang turut mengambil bahagian dalam perbahasan berkata pindaan terhadap Perkara 8 itu merupakan "punat" kepada

ketidakpuasan hati beberapa persatuan dan aktivis wanita.

"Saya harap dengan tercabutnya punat ini maka sisa diskriminasi terhadap wanita sudah digugurkan," katanya.

Beliau menyarankan supaya kerajaan mengkaji semula syarat pencen yang diberikan kepada isteri yang kematian suami dan ditarik balik apabila isteri itu berkahwin lagi, kerana ia mendiskriminasikan hak antara wanita dan lelaki.

"Sekiranya seorang wanita yang bekerja dengan kerajaan meninggal dunia, suaminya boleh mendapat pencen dan pencennya tidak akan ditarik balik walaupun suami itu menikah sekali lagi.

"Tetapi malangnya bagi kaum wanita bila suami meninggal dunia, isteri akan dapat pencen tetapi kalau isteri hendak bernikah lagi, pencennya ini ditarik balik... ini tidak adil, kerana itulah saya utarakan kepada kerajaan supaya ia (pencen) diteruskan" katanya.

Napsiah berkata kerajaan juga perlu melihat perkara negatif yang mungkin timbul ekoran pindaan itu terutama daripada segi memberi hak kerakyatan bagi lelaki asing yang berkahwin dengan wanita tempatan kerana ia mungkin disalahgunakan oleh sindiket.

Sementara itu ketua pembangkang Datuk Fadzil Noor (PAS-Pendang) dalam perbahasannya berkata kerajaan perlu mengkaji apakah kesan pindaan perlembagaan melarang diskriminasi jantina daripada segi hukum faraidh (pembahagian harta pusaka mengikut Islam) dan juga kesannya kepada Mahkamah Syariah.

Beliau bersetuju pada umumnya tidak boleh ada diskriminasi antara lelaki dan wanita tetapi, katanya, pada masa yang sama hukum-hukum Allah hendaklah dipatuhi dan dihormati.

-- BERNAMA

ZAI SHS NMO